

3 Tip Mudah Membeli di Ebay

Kaji Selidik Sebelum Memasuki Pasaran Jualan!

Promosi Menggunakan Blog

Marketing in Your Notification Emails

Pelan Perniagaan Online Anda

infoIM

Bisnes Gaya Islam

Soal Jawab IM

ebay



**Sebagai Sumber
PENDAPATAN**

Temubual bersama Noorizam Shah

ISI KANDUNGAN

DARI KETUA EDITOR

1

EBAY SEBAGAI SUMBER PENDAPATAN

2

3 TIP MUDAH MEMBELI DI EBAY

4

KAJI SELIDIK SEBELUM MEMASUKI
PASARAN JUALAN!

6

PROMOSI MENGGUNAKAN BLOG

10

TRANSKRIP AUDIO FEBRUARI 09

12

MARKETING IN YOUR NOTIFICATION
EMAILS

17

PELAN PERNIAGAAN ONLINE ANDA

19

INFOIM

20

BISNES GAYA ISLAM

21

SOAL JAWAB IM

22

PENULIS

SMARTZUL

ZAMRI NANYAN

GALADRIEL

ALANG

KIDINO

AMIROL

AMAR MAHMOOD

HAIRUL

TEAM

ADLY

ZHAFRAN

BOB

DIKMAL

WAIDA

HAIRUL

RICHIE

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Kita kini berada di bulan kedua tahun 2009. Dalam sekelip mata, bermakna tinggal 10 bulan sahaja lagi sebelum kita melangkah ke tahun baru 2010. Apa perkembangan perniagaan internet anda? Adakah anda masih mencari-cari modul perniagaan internet yang sesuai dengan anda? Atau masih berhempas pulas dengan dan hampir karam dalam lautan ilmu di luar sana?

Saya ingin menyorot perihal sendiri sebagai 'orang baru' pada kira-kira 2 tahun yang lalu. Banyak melaburkan wang, tenaga dan masa untuk mempelajari sesuatu. Keluar produk A, berderu pergi mendapatkannya. Keluar produk B, berderu ke sana pula dan begitulah seterusnya. Tetapi apa yang lebih penting adalah tindakan. Tanpa tindakan, anda tidak akan ke mana-mana. Dan begitulah keadaan anda seterusnya.

Kami di Majalah IM sentiasa mengharapkan para pembaca dapat memanfaatkan segala ilmu yang di kongsiikan untuk memulakan langkah pertama masing-masing. Jangan menunggu lagi, setiap hari ada sahaja jutawan internet di lahirkan di dunia ini. Anda pula?

Majalah IM #10 memaparkan isu eBay sebagai cover story. Lebih berkonsepkan pendedahan kepada rakyat Malaysia mengenai eBay dan perihal berkaitan. Di harapkan dengan pendedahan eksklusif ini, semakin pesatlah perkembangan eBay di Malaysia.

Bulan Februari juga memberi makna tersendiri buat pihak produksi Majalah IM. Tahun ini, genap setahun usia majalah IM. Sememangnya dalam tempoh setahun ini, kami menempuh jatuh bangun yang berterusan. Namun, kami percaya ini adalah rencah kejayaan hebat yang bakal kami raih dalam masa akan datang.

Akhir kata, ucapan terima kasih kami kepada semua penulis, pembaca, penyokong, pengkritik dan sesiapa sahaja yang sentiasa memberikan respon kepada usaha kami. Semoga usaha kami dapat membuka mata banyak pihak tentang perniagaan internet yang sebenarnya.

Sehingga bertemu lagi dalam Majalah IM Mac 2008

Wassalam



Ketua Editor Majalah IM

Norakmal Jasni aka Dik Mal

[www.dikmal.com]

majalahIM@gmail.com / www.majalahIM.com